

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
No. 13 Persiaran Perdana, Precint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **MEMPERKUKUH SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN DAN HARTA INTELEK MELALUI PENGLIBATAN DALAM *THIRD REGIONAL CONFERENCE FOR PRESIDENTS AND VICE-PRESIDENTS OF UNIVERSITIES AND RESEARCH INSTITUTIONS***

**TOKYO, 15 NOVEMBER 2018** – Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengetuai delegasi Malaysia ke Jepun dari 13 sehingga 15 November 2018 atas jemputan *World Intellectual Property Organization* (WIPO) dan AEON Group. Lawatan ini turut disertai oleh pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Malaysia merupakan negara ahli *World Intellectual Property Organization* (WIPO), sebuah agensi khusus di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang bertanggungjawab ke atas pembangunan harta intelek. WIPO dengan kerjasama *Japan Patent Office* (JPO) telah mengadakan *Third Regional Conference for Presidents and Vice-Presidents of Universities and Research Institutions on Creating and Enabling Intellectual Property Environment for Technology Development, Management and Commercialisation* dari 13 hingga 15 November 2018 di Okinawa, Jepun.

Persidangan ini diadakan bertujuan untuk membincangkan cabaran dan peluang berkaitan kompetensi dan bina upaya dalam pengurusan harta intelek serta pemindahan teknologi di universiti dan institut penyelidikan adalah selari dengan peranan KPDNHEP yang berfungsi untuk mentadbir dan menguatkuasa Perundangan Harta Intelek serta menggalakkan program kerjasama harta intelek di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, mempergiatkan sektor perdagangan pengedaran dan mengembangkan

pelaksanaan Program Food Bank Malaysia. Di persidangan tersebut, YB Menteri KPDNHEP menyampaikan ucapan dasar bertajuk *Malaysia's Perspective and Expectations in Technology Transfer*.

YB Menteri KPDNHEP juga akan mengadakan lawatan kerja ke badan kutipan royalti hakcipta di Tokyo, Jepun dan agensi yang bertanggungjawab ke atas perlindungan hak cipta bagi berkongsi pengetahuan mengenai mekanisma kawal selia terhadap badan kutipan royalti. Lawatan kerja tersebut memberi fokus kepada tiga badan kutipan royalti di Jepun iaitu *Japanese Society for Rights of Authors, Composers and Publishers (JASRAC)*, *Recording Industry Association of Japan (RIAJ)* dan *Center for Performers' Rights Administration (CPRA)*.

Dalam rangka lawatan ini juga, YB Menteri berpeluang mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pihak pengurusan tertinggi AEON group. Pertemuan ini diharap dapat memberikan peluang kepada kedua belah pihak berkongsi pandangan dan juga pengalaman terutama sekali dalam perkembangan sektor peruncitan di Jepun dan Malaysia. Sebagai salah sebuah pelabur asing dalam sektor peruncitan di Malaysia, AEON group diharapkan dapat membantu membangunkan industri kecil dan sederhana negara agar produk-produk mereka dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Antara fokus utama KPDNHEP adalah bagi menggerakkan Program Food Bank Malaysia di seluruh negara pada awal tahun hadapan. Dalam hal ini, YB Menteri dan delegasi akan mengadakan lawatan ke *Second Harvest Japan* bagi mempelajari dan mencari *benchmarking* bagi mengembangkan pelaksanaan Program Food Bank di Malaysia. Hasil daripada lawatan ini akan dijadikan panduan dan rujukan dalam pelaksanaan Program Food Bank Malaysia.

Sebagai penutup program lawatan kerja tiga hari YB Menteri ke Jepun, beliau hadir ke majlis makan malam bersama Persatuan Industri Halal Jepun dan sesi ini digunakan untuk membincangkan mengenai potensi atau cabaran pemasaran

produk halal di negara Jepun. Input daripada *engagement* ini dapat dijadikan panduan sebagai persediaan kepada industri halal Malaysia dalam usaha untuk menembusi pasaran Jepun.

**# # #**

---